UNIT 14

# KATA NAFI
# 否定词

## Nota Ringkas

Buku Teks Unit 8

1 Kata nafi ialah kata yang digunakan untuk **menafikan** atau **menidakkan sesuatu**.
否定词是用来否定事物的词语。

2 Terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu "**tidak**" dan "**bukan**".
否定词有两个，即 "**tidak**"（没有/不）和 "**bukan**"（不是）。

| Kata nafi "tidak"<br>否定词 "tidak" | Kata nafi "bukan"<br>否定词 "bukan" |
|---|---|
| • hadir sebelum **frasa kerja**<br>出现在动词性词组前面<br>– Dia **tidak** menjawab soalan itu.<br>他没回答那道问题。<br>– Bayi itu **tidak** tidur.<br>那个婴儿没在睡觉。 | • hadir sebelum **frasa nama**<br>出现在名词性词组前面<br>– Dia **bukan** anak jutawan itu.<br>他不是那名百万富翁的孩子。<br>– Cikgu Ong **bukan** guru kelas saya.<br>王老师不是我的级任老师。 |
| • hadir sebelum **frasa adjektif**<br>出现在形容词性词组前面<br>– Berita itu **tidak** benar.<br>那个消息不是真的。<br>– Ayah **tidak** marah lagi.<br>爸爸不生气了。 | • hadir sebelum **frasa sendi nama**<br>出现在介词性词组前面<br>– Hadiah ini **bukan** daripada ibu saya.<br>这份礼物不是我的妈妈送的。<br>– Bungkusan ini **bukan** untuk kamu.<br>这份包裹不是给你的。 |

## ZON PRAKTIS

**A** *Gariskan kata nafi yang betul.* Membaca : TP3

1 "Saya ( tidak ❖ bukan ) berbohong. Memang dia yang mengambil buku kamu," kata Jun Heng kepada Siva.

2 Gubahan bunga ini ( tidak ❖ bukan ) untuk saya tetapi untuk kamu.

3 Adik ( tidak ❖ bukan ) sedih lagi apabila kucing kesayangannya sudah sembuh.

4 Kai Jun ( tidak ❖ bukan ) pemilik akaun Facebook itu.

5 Pemain bola sepak yang ( tidak ❖ bukan ) cergas itu telah digugurkan daripada senarai nama pemain yang akan mewakili sekolah.

/ 10



LIVEWORKSHEETS